

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN GOBIND SINGH DEO
[PUCHONG]

TARIKH : 26 OKTOBER 2015

SOALAN :

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta PERDANA MENTERI menyatakan samada Kerajaan sedia menyokong langkah-langkah untuk memberikan Peguam Negara "*security of tenure*" dan samada Kerajaan sedia menyokong pindaan kepada Artikel 145(6) Perlembangaan Persekutuan bagi tujuan tersebut.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Fasal (1) Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa Yang di-Pertuan Agong hendaklah, atas nasihat Perdana Menteri, melantik seorang yang layak menjadi hakim Mahkamah Persekutuan sebagai Peguam Negara bagi Persekutuan.
2. Fasal (5) Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan seterusnya memperuntukkan bahawa tertakluk kepada Fasal (6), Peguam Negara hendaklah memegang jawatan selama diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong dan boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dan, melainkan jika dia ialah anggota Jemaah Menteri, hendaklah menerima apa-apa saraan yang ditentukan oleh Yang di-Pertuan Agong.
3. Oleh yang demikian, berdasarkan kepada peruntukan yang sedia ada di dalam Perlembagaan Persekutuan, seseorang yang dilantik sebagai Peguam Negara di bawah Fasal (1) Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan hendaklah memegang jawatan “selama diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong” dan boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya.

Sekian, terima kasih.